

Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Guru Wanita (Financial Well-Being Amongst Female Teachers)

Zaimah Ramli

Sarmila Md. Sum

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Habib Ismail

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

AABSTRAK

Kertas adalah sebahagian hasil Projek Penyelidikan UKM-GGPM-CMNB-144-2010. Kajian ini bertujuan membincangkan tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. Secara khusus, objektif kajian ialah mengukur tahap kesejahteraan kewangan guru wanita dan mengenalpasti faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan mereka. Seramai 325 orang guru wanita dipilih dan dianalisis dalam perbincangan ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Pengukuran kesejahteraan kewangan kajian menggunakan Malaysian Financial Well-Being Scale (MFWBS). Skala ini mengandungi 12 soalan dengan 10 skala pengukuran, iaitu skala 1 (skor paling rendah) dan skala 10 (skor paling tinggi). Hasil kajian mendapati kebanyakan guru wanita mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana dan terdapat perbezaan signifikan antara umur, jumlah simpanan dan jumlah aset dengan tahap kesejahteraan kewangan guru wanita. Selain itu, faktor umur, tempoh perkhidmatan dan pendapatan bulanan guru wanita juga mempunyai hubungan dengan tahap kesejahteraan kewangan mereka, tetapi kurang mempengaruhi. Implikasi utama kajian menyarankan agar pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan kewangan peribadi dalam kalangan guru perlu diberi keutamaan di samping tingkah laku kewangan kerana ianya mempunyai hubungan dan mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan.

Kata kunci: Kesejahteraan kewangan; pengukuran subjektif; guru wanita

ABSTRACT

This paper will present part of research project funding UKM-GGPM-CMNB-144-2010. This study intent to discuss the level of financial well-being among women teachers. The focus objective of this study in measuring levels of financial well-being and also identify the socio economic factors that influence the level of financial well-being of the teachers. A total of 325 teachers was selected and analyzed in this discussion. Questionnaires are used as the instrument for the study. The measurement for financial well-being of the study uses Malaysian Financial Well-Being Scale (MFWBS). This scale comprises 12 questions with 10 measurement scales that is scale 1 (the lowest score) and scale 10 (the highest score). Study results finds that most of the female teachers have a moderate level of financial well-being and there are significant differences among age, total savings and number asset with the level of financial well-being of the female teachers. Besides, age factor, duration of service and monthly income of the female teachers also have a relation with the level of their financial well-being, albeit not so influential. The primary implication of the study suggests that knowledge and skills in managing personal finances among teachers are given priority.

Keywords: Financial well-being; subjective measurement; female teacher

PENGENALAN

Peningkatan kos hidup, perubahan gaya hidup dan corak penggunaan dalam kalangan penduduk Malaysia, khususnya dalam kalangan guru memerlukan satu penelitian bagi mengenalpasti tahap kesejahteraan kewangan mereka (Lim 2003; Norehan et al. 2012; Zaimah 2011). Hal ini penting kerana kesejahteraan kewangan seseorang individu mempunyai hubungan dengan produktiviti kerja (Kim et al. 2004; Garman

et al. 2005). Malahan masyarakat umum juga mengetahui bahawastres, kesukaran dan tekanan kewangan yang dihadapi seseorang individu akan menyumbang kepada kesejahteraan kewangan yang rendah dan sebaliknya (Kim et al. 2003; Kim et al. 2004; Xiao et al. 2004; Garman et al. 2005; Azizi et al. 2010).

Kesejahteraan kewangan perlu diberi perhatian serius kerana kajian-kajian terdahulu mengenai kesukaran dan tekanan kewangan menunjukkan bahawa tingkahlaku kewangan mempunyai hubungan dengan kesejahteraan

kewangan (Kim et al. 2003; Kim et al. 2004; Xiao et al. 2004; Garman et al. 2005). Malahan, pengetahuan kewangan dan tingkahlaku kewangan juga mempunyai hubungan dengan kesejahteraan kewangan (Joo & Garman 1998; Kim et al. 2004; Porter & Garman 1993; Scannel 1990; Zaimah 2010). Dalam situasi kos sara hidup yang semakin meningkat dari semasa ke semasa dan juga perubahan gaya hidup masyarakat hari ini, pengetahuan kewangan perlu diberi perhatian. Pengetahuan kewangan yang baik diharapkan dapat membantu membentuk tingkah laku kewangan yang berhemah demi menjamin tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi dapat dicapai.

Memandangkan guru adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses penerapan dan penyampai ilmu kepada anak bangsa, maka tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan mereka harus diberi perhatian. Rentetan daripada kajian terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru belum banyak dilaksanakan di Malaysia, maka kajian ini bertujuan mengkaji tahap kesejahteraan kewangan dan faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. Fokus kepada guru wanita adalah sejajar dengan kadar peratusan tinggi penyertaan mereka dalam bidang perguruan di negara ini.

KAJIAN LEPAS

Kesejahteraan kewangan adalah suatu konsep yang cuba menjelaskan tentang kedudukan kewangan seseorang individu atau keluarga. Kesejahteraan kewangan pada asalnya difahami sebagai suatu kegembiraan atau kepuasan terhadap situasi kewangan (Porter & Garman 1993; Kim et al. 2003). Kesejahteraan kewangan juga dirujuk sebagai hasil daripada tingkahlaku-tingkahlaku kewangan (Kim et al. 2004). Kajian lepas menunjukkan bahawa tingkahlaku kewangan dan amalan kewangan mempunyai hubungan dengan kesejahteraan kewangan (Joo & Garman 1998; Kim et al. 2004; Porter & Garman 1993; Scannel 1990; Zaimah 2010, 2011). Selain itu, kesukaran kewangan dan tekanan kewangan juga mempunyai hubungan dengan kesejahteraan kewangan (Kim et al. 2003; Kim et al. 2004; Xiao et al. 2004; Garman et al. 2005).

Kesejahteraan kewangan boleh diukur menggunakan beberapa pendekatan. Dua pendekatan yang sering digunakan ialah pengukuran secara objektif dan subjektif (Joo & Garman 1998; Porter & Garman 1993). Pengukuran objektif dikelaskan sebagai pengukuran kuantitatif, iaitu pemerhatian ke atas situasi kewangan yang boleh dilihat. Pengukuran secara objektif boleh dicapai melalui kajian ke atas penggunaan barangan, harta, simpanan dan status sosio-ekonomi (Porter & Garman 1993). Selain itu, kriteria demografi seperti pendapatan, bilangan anak, status perkahwinan, pemilikan rumah, tahap dalam kitaran hidup kewangan

dan amalan pengurusan kewangan juga boleh digunakan dalam pengukuran objektif (ibid.).

Sementara itu, Joo dan Garman (1998) turut menggunakan beberapa pengukuran objektif terhadap kesejahteraan kewangan, seperti kemampuan membayar hutang, jumlah dana kecemasan, jumlah bayaran kad kredit bulanan, jumlah bayaran pinjaman bulanan, jumlah simpanan bulanan dan persediaan kewangan untuk persaraan. Penggunaan nisbah kewangan juga digunakan bagi mengukur tahap kesejahteraan kewangan (Greninger et al. 1996; Lytton et al. 1991). Kelebihan penggunaan nisbah membolehkan pengukuran ke atas situasi kewangan seseorang individu dilakukan dan boleh dipantau dari semasa ke semasa.

Pengukuran secara subjektif pula menyediakan kefahaman yang lebih lengkap dalam memahami tingkahlaku kewangan pengguna (O'Neill et al. 2006). Sebaliknya pengukuran secara objektif dianggap tidak memberikan informasi persepsi ke atas situasi kewangan seseorang individu (Porter & Garman 1993). Hal ini kerana seseorang individu yang berada dalam situasi kewangan yang sama (berdasarkan pengukuran objektif), mungkin mempunyai tanggapan tahap kesejahteraan kewangan yang berbeza terhadap diri mereka (Kim et al. 2003). Pengukuran secara subjektif berkaitan rapat dengan persepsi ke atas kepuasan kewangan seseorang individu.

Porter dan Garman (1993) telah menggunakan beberapa pembolehubah bagi mengukur persepsi kesejahteraan kewangan, seperti pengurusan tunai, pengurusan kredit, pengurusan risiko, persaraan dan perancangan hartanah serta pengurusan umum. O'Neill et al. (2005) pula menggunakan pembolehubah kepercayaan diri, fokus kawalan dan kepuasan terhadap standard hidup dalam pengukuran kewangan. Manakala Joo dan Garman (1998) menggunakan sikap terhadap pengurusan tunai, pengurusan kredit, kecukupan pendapatan, pengurusan kewangan peribadi, dan kemahiran pengguna berbelanja sebagai pembolehubah dalam mengkaji kesejahteraan kewangan pengguna.

Seterusnya Prawitz et al. (2006) telah mengetengahkan satu pengukuran subjektif kesejahteraan kewangan yang memasukkan beberapa persoalan berkaitan sikap, tingkahlaku, kawalan dan keyakinan terhadap aspek-aspek kewangan. Pengukuran ini dinamakan *InCharge Financial Distress/Financial Well-being* (IFDFW). Bagi pengkajian kesejahteraan kewangan di Malaysia pula, pengukuran yang sama telah digunakan dengan beberapa pengubahsuaian dan ianya dinamakan *Malaysian Personal Financial Well-being Scale* (MPFWS) (Jarrah 2007).

Sementara itu, kesejahteraan kewangan didapati mempunyai hubungan positif dengan tingkah laku kewangan (Kim et al. 2003; Joo dan Grable 2004). Joo dan Grable (2004) mendapati kesejahteraan kewangan mempunyai perkaitan dengan tingkah laku kewangan, tahap tekanan kewangan, pendapatan,

pengetahuan kewangan, kecairan kewangan, toleransi kewangan dan pendidikan. Kajian lepas juga mendapati bahawa faktor sosio-ekonomi seperti umur, bilangan isirumah, status perkahwinan, tahap pendidikan, pendapatan dan pemilikan rumah mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan. Misalnya Titus, Fanslow dan Hira (1989) mendapati faktor umur dan bilangan isirumah mempengaruhi kesejahteraan kewangan seseorang individu. Individu yang berkahwin, mempunyai tahap pendidikan tinggi, mempunyai tahap pendapatan tinggi dan memiliki rumah sendiri adalah mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi secara relatif (Baek & DeVaney 2004; Joo & Grable 2004). Manakala Zaimah (2011) turut mendapati faktor umur, pendapatan, pemilikan rumah dan pemilikan produk kewangan turut mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan seseorang pekerja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dan dilakukan secara keratan-rentas. Kajian bertujuan mengenalpasti tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru sekolah di Bandar Baru Bangi, Selangor. Populasi kajian adalah guru-guru sekolah di Bandar Baru Bangi, Selangor. Berdasarkan statistik Kementerian Pelajaran Malaysia, terdapat lima buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah di Bandar Baru Bangi (Kementerian Pelajaran Malaysia 2011). Kajian ini telah melibatkan semua guru di sekolah-sekolah berkenaan (910 orang guru). Sejumlah 365 orang guru (40%) memberikan maklumbalas dalam kajian ini. Namun begitu, hanya guru-guru wanita dianalisis (325 orang) bagi memenuhi objektif kajian ini.

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Borang soal selidik mengandungi maklumat latar belakang sosio-ekonomi responden dan 12 item pengukuran kesejahteraan kewangan responden. Pengukuran kesejahteraan kewangan kajian menggunakan *Malaysian Financial Well-Being Scale* (MFWBS) yang dibangunkan oleh Jariah (2007) berdasarkan adaptasi daripada *InCharge Financial Distress/Financial Well-being* (IFDFW) oleh Prawitz, Garman, Sorhaindo et al. (2006). Skala ini mengandungi 12 soalan dengan 10 skala pengukuran, iaitu skala 1 adalah skor paling rendah dan skala 10 adalah skor paling tinggi. Ujian kebolehpercayaan dilakukan ke atas pengukuran kesejahteraan kewangan berkenaan dan nilai Cronbach-alpha (α) yang diperolehi ialah .834.

Analisis data dilakukan secara deskriptif dan inferensi. Analisis kekerapan dan peratus digunakan bagi menjelaskan latar belakang responden. Purata skor dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap kesejahteraan kewangan guru. Sementara, analisis regresi pelbagai digunakan untuk melihat pengaruh latar belakang sosio-ekonomi responden

terhadap kesejahteraan kewangan guru. Model regresi pelbagai dijangkakan dipengaruhi oleh lima faktor, iaitu umur, bilangan isi rumah, tahap pendidikan, tempoh perkhidmatan dan pendapatan bulanan. Persamaan model regresi pelbagai seperti berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots + b_nX_n$$

Di mana;

Y = kesejahteraan kewangan

a = pemalar

b_1-b_n = regression coefficient setiap pembolehubah

X_1 = umur

X_2 = bilangan isi rumah

X_3 = tahap pendidikan (1 = lepasan universiti; 0 = bukan lepasan universiti).

X_4 = tempoh perkhidmatan

X_5 = pendapatan bulanan

HASIL DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 1 menunjukkan taburan umur responden. Responden kajian berumur antara 24 tahun hingga 57 tahun. Purata umur responden ialah 40 tahun. Seramai 44 peratus responden adalah berumur antara 35-45 tahun (44%). Sebilangan besar responden (91.7%) adalah berkahwin dan purata tempoh perkahwinan adalah 14 tahun. Maklumat tahap pendidikan menunjukkan hampir 85 peratus responden adalah mempunyai ijazah. Daripada segi tempoh perkhidmatan sebagai guru pula, seramai 41.2 peratus responden mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 20 tahun. Manakala purata tempoh perkhidmatan responden ialah 14 tahun.

Maklumat pendapatan bulanan responden menunjukkan hanya 10 peratus responden mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM2,500. Sebaliknya didapati 30 peratus responden mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM4,500. Secara purata, pendapatan bulanan responden ialah RM3,678 dan ini menunjukkan mereka berada dalam kalangan 40 peratus kumpulan berpendapatan sederhana (Malaysia 2010).

Sementara itu, separuh daripada responden (50.8%) mempunyai jumlah simpanan kurang daripada RM10,000 dan hanya 17 peratus responden mempunyai jumlah simpanan melebihi RM50,000. Daripada segi jumlah aset pula, lebih separuh responden (54.8%) responden memiliki jumlah aset melebihi RM100,000. Manakala maklumat jumlah pinjaman pula menunjukkan 35 peratus responden mempunyai jumlah pinjaman melebihi RM100,000. Sementara itu, hanya seramai 22.5 peratus responden mempunyai jumlah pinjaman kurang daripada RM10,000.

JADUAL 1. Maklumat Latar Belakang Responden

Profail responden	Kekerapan (Peratus)
Umur:	
<35 tahun	86 (26.5)
35-45 tahun	144 (44.3)
>45 tahun	95 (29.2)
Status perkahwinan:	
Bujang	18 (5.5)
Berkahwin	298 (91.7)
Ibu/bapa tunggal	9 (2.8)
Tahap pendidikan:	
Bukan lepasan ijazah	49 (15.1)
Lepasan ijazah	276 (84.9)
Tempoh berkhidmat:	
<10 tahun	103 (31.7)
11-20 tahun	134 (41.2)
>20 tahun	88 (27.1)
Pendapatan bulanan:	
<RM2,500	35 (10.7)
RM2,500-RM3,500	101 (31.1)
RM3,501-RM4,500	91 (28.0)
> RM4,500	98 (30.1)
Jumlah simpanan:	
< RM10,000	165 (50.8)
RM10,000-RM50,000	104 (32.0)
> RM50,000	56 (17.2)
Jumlah aset:	
< RM50,000	83 (25.5)
RM50,000-RM100,000	64 (19.7)
> RM100,000	178 (54.8)
Jumlah pinjaman:	
< RM10,000	73 (22.5)
RM10,000-50,000	70 (21.5)
RM50,001-100,000	68 (20.9)
> RM100,000	114 (35.1)

TAHAP KESEJAHTERAAN KEWANGAN

Objektif pertama kajian ini ialah mengenalpasti tahap kesejahteraan kewangan responden. Jadual 2 menunjukkan purata skor MFWBS. Pernyataan berkaitan kekerapan menghadapi masalah pembayaran bil-bil didapati mencatatkan purata skor tertinggi iaitu 8.16. Dapatan ini menunjukkan responden jarang berhadapan dengan masalah membayar bil-bil bulanan mereka. Kajian Zaimah (2011) turut mencatatkan purata skor tertinggi (PS = 7.55) pada pernyataan yang sama. Sementara pernyataan berkaitan kebimbangan terhadap kewangan peribadi pada hari yang berkaitan pula mencatatkan purata skor terendah iaitu 5.66. Dapatan ini memberi maksud bahawa responden kadang-kadang berasa bimbang terhadap kewangan peribadi mereka pada hari yang berkenaan. Kajian Zaimah (2011) turut mencatatkan purata skor terendah (PS = 5.20) pada pernyataan yang sama. Manakala komposit skor kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita ialah 6.93. Dapatan ini menunjukkan rata-rata responden berada pada tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana. Jika dibandingkan dengan kajian lepas, komposit skor kajian ini lebih tinggi daripada dapatan Zaimah (2011), Prawitz et al. (2006) dan O'Neill et al. (2006) dengan masing-masing mencatatkan 6.57, 5.7 dan 5.5.

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap kesejahteraan kewangan. Tahap kesejahteraan kewangan dikelaskan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah (purata skor 1-4), tahap sederhana (purata skor 5-6) dan tahap tinggi (purata skor 7-10). Dapatan kajian menunjukkan 22 orang responden (6.8%) mencatatkan purata skor antara 1-4. Hal ini menunjukkan responden mempunyai kesejahteraan kewangan tahap rendah. Sebanyak 130 orang responden (40%) mencatatkan purata skor antara 5-6 dan ianya menunjukkan responden

JADUAL 2. Purata Skor MFWBS

Pernyataan	Purata Skor	Sisihan Piawai
Sejauhmana kepuasan anda terhadap situasi semasa kewangan anda?	6.69	1.71
Sejauhmana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi anda pada hari ini?	5.66	2.08
Sejauhmana baik keadaan kewangan anda?	6.85	1.45
Skala mana di bawah ini paling tepat menerangkan situasi semasa kewangan anda?	6.89	1.54
Sejauhmana perasaan anda terhadap situasi kewangan semasa anda?	6.65	1.67
Sejauhmana keyakinan anda bahawa anda akan mempunyai wang yang mencukupi untuk keselesaan hari tua?	6.97	1.60
Sejauhmana kekerapan anda menghadapi ketidakcukupan wang sebelum hari pembayaran gaji berikutnya?	7.26	1.76
Sejauhmana kekerapan anda berhadapan dengan masalah membayar bil-bil bulanan (elektrik, telefon, ansuran, kredit kad)?	8.16	1.75
Sejauhmana keyakinan anda bahawa anda berupaya mengawal kewangan peribadi anda?	7.32	1.60
Sejauhmana keyakinan anda bahawa anda tahu bagaimana mengurus kewangan peribadi anda?	7.33	1.50
Sejauhmana mudah anda mendapatkan wang berjumlah RM1,000 bagi tujuan kecemasan?	7.20	1.93
Secara keseluruhannya, sejauhmana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi?	6.25	2.06

JADUAL 3. Taburan Responden Mengikut Tahap Kesejahteraan Kewangan

Tahap Kesejahteraan Kewangan	Kekerapan (%)
Rendah (1-4)	22 (6.8)
Sederhana (5-6)	130 (40.0)
Tinggi (7-10)	173 (53.2)

mempunyai kesejahteraan kewangan tahap sederhana. Selebihnya, 173 orang responden (53.2%) mencatatkan purata skor antara 7-10. Hal ini pula menunjukkan responden berada pada kesejahteraan kewangan tahap tinggi. Secara bandingan, dapatan ini mencatatkan peratusan kesejahteraan kewangan tahap rendah

yang menghampiri dapatan Zaimah (2011), iaitu 10.8 peratus.

Jadual 4 menunjukkan perbandingan latar belakang sosio-ekonomi responden dengan tahap kesejahteraan kewangan responden. Responden yang berusia didapati mempunyai kesejahteraan kewangan tahap tinggi secara relatif. Hasil ujian Khi Kuasa Dua ($\chi^2 = 15.314$, $df = 4$, $p = .004$) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara tahap kesejahteraan kewangan dengan kelas umur. Maklumat berkaitan responden lepasan universiti mencatatkan peratusan lebih tinggi (54.7%) dalam kesejahteraan kewangan tahap tinggi. Namun ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kategori berkenaan. Begitu juga dengan tempoh perkhidmatan responden. Walaupun responden berkhidmat melebihi 20 tahun mencatatkan peratusan

JADUAL 4. Latar Belakang Responden Mengikut Tahap Kesejahteraan Kewangan

Latar Belakang Responden	Tahap Kesejahteraan Kewangan			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Umur:**				
<35 tahun	8 (9.3)	47 (54.7)	31 (36.0)	86 (100)
35-45 tahun	7 (4.9)	54 (37.5)	83 (57.6)	144 (100)
>45 tahun	7 (7.4)	29 (30.5)	59 (62.1)	95 (100)
Tahap pendidikan:				
Bukan lepasan universiti	4 (8.2)	23 (46.9)	22 (44.9)	49 (100)
Lepasan universiti	18 (6.5)	107 (38.8)	151 (54.7)	276 (100)
Tempoh perkhidmatan:				
≤10 tahun	9 (8.7)	49 (47.6)	45 (43.7)	103 (100)
11-20 tahun	8 (6.0)	54 (40.3)	72 (53.7)	134 (100)
>20 tahun	5 (5.7)	27 (30.7)	56 (63.6)	88 (100)
Pendapatan bulanan:				
<RM2,500	5 (14.3)	18 (51.4)	12 (34.3)	35 (100)
RM2,500-RM3,500	7 (6.9)	44 (43.6)	50 (49.5)	101 (100)
RM3,501-RM4,500	7 (7.7)	33 (36.3)	51 (56.0)	91 (100)
>RM4,500	3 (3.1)	35 (35.7)	60 (61.2)	98 (100)
Jumlah simpanan:**				
<RM10,000	18 (10.9)	87 (52.7)	60 (36.4)	165 (100)
RM10,000-RM50,000	2 (1.9)	28 (26.9)	74 (71.2)	104 (100)
>RM50,000	2 (3.6)	15 (26.8)	39 (69.6)	56 (100)
Jumlah aset:**				
<RM50,000	11 (13.3)	40 (48.2)	32 (38.6)	83 (100)
RM50,000-RM100,000	2 (3.1)	27 (42.2)	35 (54.7)	64 (100)
>RM100,000	9 (5.0)	63 (35.4)	106 (59.6)	178 (100)
Jumlah pinjaman:				
<RM10,000	5 (6.8)	29 (39.7)	39 (53.4)	73 (100)
RM10,000-RM50,000	4 (5.7)	25 (35.7)	41 (58.6)	70 (100)
RM50,001-RM100,000	0 (0)	28 (41.2)	40 (58.8)	68 (100)
>RM100,000	13 (11.4)	48 (42.1)	53 (46.5)	114 (100)

** Signifikan pada aras keertian $p \leq 0.01$

tertinggi (63.6%) dalam kesejahteraan kewangan tahap tinggi, tetapi ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kategori berkenaan.

Jika dilihat kepada maklumat pendapatan bulanan responden, ianya menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM4,500 mencatatkan peratusan tertinggi (63.6%) dalam kesejahteraan kewangan tahap tinggi, tetapi ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kategori berkenaan. Sebaliknya responden yang mempunyai jumlah simpanan yang banyak didapati mempunyai kesejahteraan kewangan tahap tinggi secara relatif. Hasil ujian Khi Kuasa Dua ($\chi^2=48.543$, $df=6$, $p=.000$) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara tahap kesejahteraan kewangan dengan jumlah simpanan. Begitu juga halnya responden yang mempunyai jumlah aset yang banyak, mereka didapati mempunyai kesejahteraan kewangan tahap tinggi secara relatif. Hasil ujian Khi Kuasa Dua ($\chi^2=20.539$, $df=6$, $p=.008$) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara tahap kesejahteraan kewangan dengan jumlah aset. Akhir sekali, dapatan turut menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara tahap kesejahteraan kewangan dengan jumlah pinjaman responden.

PENGARUH FAKTOR SOSIO-EKONOMI TERHADAP KESEJAHTERAAN KEWANGAN

Objektif kedua kajian adalah mengenalpasti faktor-faktor sosio-ekonomi terpilih yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan responden. Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis regresi pelbagai ke atas kelima-lima pembolehubah peramal, iaitu umur, bilangan isirumah, tahap pendidikan, tempoh perkhidmatan dan jumlah pendapatan menunjukkan hanya faktor umur ($\beta = .452$, $p < .05$), tempoh perkhidmatan ($\beta = .317$, $p < .05$) dan jumlah pendapatan ($\beta = .227$, $p < .05$) merupakan faktor peramal kepada kesejahteraan kewangan responden. Secara keseluruhan, kelima-lima pembolehubah peramal menyumbang sebanyak 12.5 peratus ($r = .35$) perubahan varians dalam kesejahteraan kewangan responden [$F(5,304) = 8.651$, $p < .05$].

Berdasarkan keputusan tersebut, kajian melaporkan bahawa umur, tempoh perkhidmatan dan jumlah

pendapatan merupakan faktor peramal kepada kesejahteraan kewangan guru wanita. Dapatan ini selaras dengan kajian Titus, Fanslow dan Hira (1989) bahawa faktor umur mempengaruhi kesejahteraan kewangan seseorang individu. Dapatan Zaimah (2011) juga mendapati bahawa faktor umur dan pendapatan mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan seseorang pekerja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kebanyakan guru wanita ini mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana. Terdapat perbezaan signifikan antara umur, jumlah simpanan dan jumlah aset dengan tahap kesejahteraan kewangan guru wanita. Dalam kata lain, guru wanita yang berusia melebihi 45 tahun dan mempunyai jumlah simpanan serta jumlah aset yang banyak adalah berada dalam kategori kesejahteraan kewangan tahap tinggi. Analisis regresi pelbagai menunjukkan umur, tempoh perkhidmatan dan pendapatan bulanan guru wanita hanya mempunyai pengaruh yang lemah terhadap tahap kesejahteraan kewangan mereka.

Berdasarkan hasil keseluruhan analisis, terdapat dua implikasi utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak berkaitan. Pertama, tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita semakin baik apabila mereka semakin berusia dan semakin lama dalam tempoh perkhidmatan. Pasti pengalaman atau pengetahuan dalam mengendalikan kewangan peribadi semakin bertambah dari semasa ke semasa. Maka, pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan kewangan peribadi dalam kalangan guruperlu dititikberatkan. Kedua, memandangkan faktor pendapatan mempunyai hubungan positif dan mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan guru wanita, maka gaya hidup dan corak penggunaan sumber wang dalam kalangan guru wanita juga perlu diselidiki.

Seterusnya kajian menyarankan agar faktor lain (seperti pengetahuan kewangan, tingkahlaku kewangan dan bebanan tugas) diambilkira dalam menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan guru, khususnya dalam kalangan guru wanita. Dalam masa yang sama, kajian kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru juga perlu dilakukan di kawasan luar bandar bagi mengesahkan faktor sebenar yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup mereka. Hal ini perlu diberi perhatian serius kerana kesejahteraan kewangan berhubungan langsung dengan kepuasan kerja dan produktiviti kerja.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada UKM kerana membiayai penyelidikan UKM-GGPM-CMNB-144-2010 dan Kementerian Pelajaran

JADUAL 5. Pengaruh Faktor Sosio-Ekonomi Terhadap Kesejahteraan Kewangan

Pembolehubah peramal	Analisis Regresi Pelbagai		
	Beta	Nilai t	Signifikan
Umur	.452	2.824	.005
Bilangan isirumah	.008	.156	.876
Tahap pendidikan	.002	.043	.966
Tempoh perkhidmatan	.317	2.006	.046
Pendapatan bulanan	.227	3.633	.000

Malaysia kerana kerjasama yang diberikan, terutama guru-guru yang terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail. 2010. Stres dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah sekolah di Malaysia. *Asia Pasific Journal of Educators and Education* 25: 103-136.
- Baek, E. & DeVaney, S. A. 2004. Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal* 32: 421-348.
- Garman, E. T., Junk, V. W., Kim, J., O'Neill, B. J., Prochaska-Cue, K., Prawitz, A. D., et al. 2005. Financial Distress Among American Workers. Final Report: 30 Million Workers in America—One in Four—Are Seriously Financially Distressed and Dissatisfied Causing Negative Impacts on Individuals, Families, and Employers. [http://www.orrgroup.com/document/FinalReport_30MillionWorkers SeriouslyFinanciallyDistressed.pdf](http://www.orrgroup.com/document/FinalReport_30MillionWorkersSeriouslyFinanciallyDistressed.pdf).
- Greninger, S. A., Hampton, V. L., Kitt, K. A. & Achacoso, J. A. 1996. Ratios and benchmarks for measuring the financial well-being of families and individuals. *Financial Services Review* 5(1): 57-70.
- Jariah Masud. 2007. Testing of Malaysia's Financial Well-Being Scale. Paper presented in the Seventh Biennial Conference 2007 ACFEA, Putrajaya, Malaysia. 4-7 July 2007.
- Joo, S. & Garman, E. T. 1998. Personal financial wellness maybe the missing factor in understanding and reducing worker absenteeism. *Personal Finance and Worker Productivity* 2(2): 172-182.
- Joo, S. & Grable, J. E. 2004. An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Issues* 25(1): 25-50.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. <http://www.kpkpm@moe.gov.my>
- Kim, J., Garman, E. T. & Sorhaindo, B. 2003. Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. *Financial Counseling and Planning Education* 14(2): 75-87.
- Kim, J., Sorhaindo, B. & Garman, E. T. 2004. financial stress and work outcomes of credit counseling clients. *Consumer Interest Annual* 50: 128-130.
- Lim Hock Eam. 2003. Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: kesan faktor agama, anak dan pendidikan. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 37: 49-79.
- Malaysia. 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Norehan Abdullah, Rahmah Ismail, Zulridah Mohd Noor & Farina Ahmad. 2012. Kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(1): 107-117.
- O'Neill, B., Xiao, J. J., Sorhaindo, B. & Garman, E. T. 2005. Financially distressed consumers: their financial practices, financial well-being, and health. *Financial Counseling and Planning* 16(1): 73-87.
- O'Neill, B., Sorhaindo, B., Prawitz, A. D., Kim, J. & Garman, E. T. 2006. Financial distress: definition, effects, and measurement. *Consumer Interest Annual* 52: 1-8.
- Porter, N. M. & Garman, E. T. 1993. Testing a conceptual model of financial well-being. *Financial Counseling and Planning* 4: 135-165.
- Prawitz, A. D., Garman, E. T., Sorhaindo, B., O'Neill, B., Kim, J. & Drentea, P. 2006. InCharge financial distress/financial well-being scale: development, administration, and score interpretation. *Financial Counseling and Planning* 17(1): 34-50.
- Titus, P. M., Fanslow, A. M. & Hira, T. K. 1989. Networth and financial satisfaction as a function of household money manager's competencies. *Home Economics Research Journal* 17(6): 309-317.
- Xiao, J. J., Sorhaindo, B. & Garman, E. T. 2004. Financial behaviors of consumers in credit counseling. *Consumer Interest Annual* 50: 131-133.
- Zaimah Ramli, Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron & Mumtazah Othman. 2010. Pola tingkahlaku kewangan pekerja keluarga dwi-kerjaya. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 13: 114-124.
- Zaimah Ramli. 2011. Pengaruh pengetahuan, tingkahlaku dan pembuatan keputusan kewangan ke atas kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Zaimah Ramli*
Sarmila Md. Sum**
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
MALAYSIA
*zaimahr@ukm.my
**sarmila@ukm.my
- Habib Ismail
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
MALAYSIA
habib.ismail71@yahoo.com

